



## **TEKS UCAPAN ALU-ALUAN**

**YB DATUK SERI RINA BINTI MOHD HARUN,  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA**

**MAJLIS SAMBUTAN HARI WANITA 2021**

**8 MAC 2021**

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Prihatin.

YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin  
Perdana Menteri Malaysia

YB Dato' Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff  
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi,  
Warga Maya yang saya hormati sekalian,

1. Alhamdullilah, setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T., kerana pada pagi yang mulia ini, kita dapat bersama-sama dalam Majlis Sambutan Hari Wanita 2021, secara maya, yang akan disempurnakan, oleh YAB Perdana Menteri Malaysia sebentar sahaja lagi.
  
2. Setinggi penghargaan kepada YAB Perdana Menteri, atas sokongan padu yang diberikan. Sesungguhnya, sokongan YAB Perdana Menteri adalah satu **manifestasi pengiktirafan**, atas peranan dan sumbangsan wanita kepada pembangunan keluarga, masyarakat dan negara. Terima kasih YAB Tan Sri...

3. Untuk para wanita di luar sana, tak kira walau di mana anda berada, saya mewakili di Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat mengucapkan **Selamat Hari Wanita 2021**.
4. **Pemilihan tema ‘Wanita Bangkit Mendepani Cabaran’** pada tahun ini juga telah kita sesuaikan, dengan konteks semasa dalam negara yang mana masih terdapat beberapa halangan yang perlu ditangani dalam usaha kita mengangkat martabat wanita dan membawa wanita **ke puncak**, yang lebih tinggi. **Contohnya, stereotaip terhadap kepemimpinan wanita, serta isu-isu keganasan berasaskan gender, yang masih menyasarkan wanita, termasuklah sebagai mangsa pemerdagangan manusia, eksploitasi seks, dan juga keganasan rumah tangga.** Tidak cukup dengan situasi diskriminasi gender yang didepani oleh para wanita, kini, pandemik COVID-19 pula telah memberikan dugaan baharu yang **lebih** mencabar buat wanita untuk meneruskan kehidupan.
5. Atas sebab inillah, tema ini diangkat bukan sekadar sebagai suatu penegasan, terhadap kesukaran yang dilalui oleh rakyat terutamanya wanita dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19, tetapi bersama dengannya, Kementerian **komited** untuk melaksanakan perubahan bagi membela hak-hak manusia sejagat, khususnya wanita.

YAB Tan Sri, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

6. Kementerian ini bertuah kerana telah diberikan tanggungjawab yang sungguh murni, untuk menyantuni keperluan wanita tanpa mengira latar belakang. Cerminan dedikasi Kerajaan boleh dilihat apabila kita memeterai **komitmen di peringkat antarabangsa**, melalui ratifikasi Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita, agar keperluan wanita dalam segenap aspek tidak dikesampingkan. Komitmen ini kita perkukuhkan lagi, dengan menerima pakai, Deklarasi dan Pelan Tindakan Beijing yang telah turut kita terjemahkan ke dalam Dasar Wanita Negara.
7. Justeru, berbekalkan panduan yang digariskan dalam dokumen-dokumen penting antarabangsa tersebut, kita perlu akui banyak lagi **usaha yang perlu dilipatgandakan**. Laporan *Global Gender Gap Index* 2020, yang dikeluarkan oleh World Economic Forum, atau ringkasnya W-E-F, menunjukkan kita berada di tangga ke-104, daripada keseluruhan 153 negara. Secara kasarnya, W-E-F menyasarkan bahawa rantau Asia Timur dan Pasifik, memerlukan lebih kurang 163.4 tahun lagi, untuk menutup sepenuhnya jurang gender ini. Selain itu, berdasarkan perbandingan skor oleh W-E-F ini juga, pencapaian keseluruhan negara ASEAN lain didapati lebih ke hadapan, berbanding Malaysia, yang berada di tangga kesembilan daripada 10 buah negara.

8. Ini bermakna, perjalanan bagi mengangkat agenda wanita di Malaysia, masih **jauh** dan berliku. Walaupun hakikatnya kita juga telah banyak melaksanakan inisiatif dan membawa perubahan kepada wanita saban tahun, **sebagai contoh, pada tahun 2020, sebanyak 969 program khusus untuk wanita, melibatkan seramai 400,438 orang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Wanita.** Laporan oleh W-E-F ini perlu dijadikan pemangkin, untuk kita semua berusaha, dengan lebih **bersungguh-sungguh** untuk merapatkan jurang gender.
9. Suka juga saya kongsikan di sini, Tuan-Tuan dan Puan-puan, beberapa inisiatif penting yang akan menjadi tumpuan Kementerian, dalam masa terdekat. Ia telah dijajarkan dengan hasil tinjauan oleh Institut Sosial Malaysia, pada Julai 2020, yang mendapati rata-rata wanita memerlukan sokongan, berbentuk kursus-kursus kemahiran, yang memberikan mereka peluang untuk **menjana pendapatan**. Justeru, inisiatif ini akan dilandaskan kepada kerangka **4K, Pemerkasaan Wanita** yang dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita iaitu, menyediakan peluang **kemahiran**, memfokuskan kepada pengukuhan **kewangan**, mengangkat kepentingan aspek **keseimbangan**, dan memberikan keutamaan kepada usaha-usaha untuk mencapai **kesaksamaan** dan **kepimpinan kendiri**. Kerangka inilah yang menjadi asas kepada pembentukan program pemerkasaan wanita, yang mana, antara fokus pelaksanaannya bagi tahun 2021 termasuklah:

Pertama, meningkatkan kerjasama erat, dengan **lebih** ramai pihak dalam aspek perlindungan wanita. Ini termasuklah memperkasakan penglibatan komuniti, dalam menyokong keperluan rakyat dari sudut psikososial;

Kedua, meningkatkan peluang menjana pendapatan, dan sekaligus mengurangkan kadar pengangguran, terutamanya dalam kalangan wanita B40, melalui pelbagai saluran kerja; dan

Ketiga, memperkuuhkan jaringan komunikasi, dan penyampaian maklumat, antara Kementerian dengan kumpulan sasar sehingga ke peringkat akar umbi, melalui kolaborasi dengan **lebih** ramai N-G-O berkaitan wanita.

YAB Tan Sri, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

10. Saya ingin mengulang pendirian Kementerian ini, untuk memastikan usaha-usaha pemerkasaan wanita, yang akan sentiasa diutamakan, kerana berbekalkan semangat juang **semata-mata** tidak akan dapat membawa hasil, jika ia tidak disusuli dengan persekitaran yang mendukung usaha-usaha pemerkasaan. *McKinsey Global Institute* juga, telah mengeluarkan laporan, yang menyebut ekonomi global akan **terjejas**, sekiranya golongan wanita, yang merupakan separuh daripada populasi tenaga kerja dunia, tidak dapat menggunakan sepenuhnya potensi ekonomi mereka.

11. Isu wanita merupakan agenda semua pihak. Agak membimbangkan, kerana dapatan kajian hasil kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dan *United Nations Development Programme*, yang meninjau pelaksanaan dan pencapaian Dasar Wanita, dan Pelan Tindakan Wanita mendapati, hanya 1/3 daripada keseluruhan sasaran Pelan Tindakan Wanita dapat dicapai. Ini kerana, tiadanya rasa kepunyaan, dalam mencapai kesaksamaan gender. Oleh itu, saya menyeru agar semua pihak menjadikan isu berkaitan kesaksamaan gender ini, sebagai **agenda penting**, dalam setiap polisi yang dibangunkan dan pelaksanaan program masing-masing.
12. Perlu kita saling ingat-mengingati bahawa **bangkitnya wanita** bukanlah untuk **mencabar dunia** lelaki, tetapi untuk kita berperanan **saling melengkap**. Atas sebab itu, pentingnya untuk kita turut mendapat sokongan lelaki, sebagai agen perubahan, ia akan membuka lebih banyak ruang bagi mencapai inklusiviti untuk wanita.
13. Dalam aspek **wanita sebagai pembuat keputusan**, walaupun **sektor awam** telah mencapai sasaran melebihi 30%, yang mana pada masa ini **berada di kadar 37.3%**, Kementerian ini berharap agar ia ditingkatkan dan paling utama, **dilestarikan**. Di sektor swasta pula, walaupun dasar sekurang-kurangnya 30% wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah syarikat tersenarai awam telah diperkenalkan sejak 2011, namun, setelah sedekad, iaitu sehingga Oktober 2020, hanya 17.2% syarikat daripada keseluruhan 937 yang mencapai sasaran tersebut.

14. Semoga motivasi ini menjadi pencetus kepada kesedaran yang lebih tinggi, oleh semua pihak bahawa penyertaan wanita dalam peringkat pembuat keputusan sesebuah organisasi, **bukanlah bersifat “penyeri halaman”, tetapi pandangan, kepakaran serta ketelitian mereka adalah salah satu penyebab kepada tadbir urus serta keputusan pelaburan yang lebih baik bagi syarikat.**
15. Saya kira inilah juga masanya untuk Kerajaan melihat **keperluan, untuk menubuhkan institusi pengajian tinggi dan bank khusus untuk wanita**, bagi membawa agenda pemerkasaan wanita lebih jauh ke hadapan sekaligus memberi ruang membangun potensi anak – anak gadis kita, sebagai peneraju pembangunan negara. Di samping itu, Kerajaan komited untuk menubuhkan Majlis Wanita Negara untuk memperkasakan wanita, dan menolak sebarang diskriminasi gender.

Para hadirin dan warga maya yang saya kasihi sekalian,

16. Pada kesempatan ini, saya dan seluruh warga kerja sambutan Hari Wanita pada tahun ini, mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak **Universiti Lim Kok Wing yang turut berkolaborasi dalam menjayakan penganjuran Majlis ini**. Dan tidak lupa kepada rakan-rakan dalam kalangan badan bukan Kerajaan, ahli akademik serta Kementerian, dan agensi Kerajaan lain yang tanpa lelah menyokong usaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam memperkasakan wanita. Sekali lagi, kami ingin zahirkan penghargaan yang tidak terhingga buat YAB Perdana Menteri atas halatuju, komitmen dan keprihatinan yang tidak berbelah bahagi.

17. Akhir kata, kepada semua wanita Malaysia, tidak kira tua atau muda, kita wanita adalah “tiang seri”, negara tercinta dan dengan semangat yang ada, marilah sama – sama kita **bangkit** membangunkan negara, demi Malaysia sejahtera. Sebagai penutup, saya tinggalkan anda dengan madah berikut:

**Wanita itu berjiwa kesatria  
Lembutnya bukan satu kelemahan  
Semangatnya berpasak seribu kekuatan  
Wanita Waja Negara  
Yang tidak luluh, dek pukulan badai bergemuruh  
Yang tidak goyang, dek hempasan gelombang laut pasang  
Dugaan dirempuh, cabaran kita tempuh  
Biarpun sakit, kita tetap BANGKIT  
Adapun kita beralah, bukan beerti kita mengalah**

**SELAMAT HARI WANITA 2021  
WANITA WAJA NEGARA  
WANITA BANGKIT MENDEPANI CABARAN**

Sekian, *Wabillahi Taufiq Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Terima kasih.